

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

04 FEBRUARI 2021

KHAMIS



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	PKRC PERTAMA MULA OPERASI 10 FEBRUARI	2
THE STAR	FOUNDATION : HELP GIVE EXAM CANDIDATES PEACE OF MIND	3



# SINAR HARIAN

28



*SINAR HARIAN  
KHAMIS - 4/2/21  
m.s 28.*

**Sinar** NEGERI

• PERAK •

## PKRC pertama mula operasi 10 Februari

Mampu menempatkan 1,200 pesakit melibatkan semua peringkat usia

Oleh ZULHISHAM ISAHAK

PASIR GUDANG



PKRC pertama di Johor iaitu di Stadium MBPG, Pasir Gudang akan beroperasi pada 10 Februari ini bagi merawat dan menempatkan pesakit Covid-19 kategori satu dan dua.

Sebuah Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) di negeri ini diwujudkan di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MPPG) di sini bakal beroperasi 10 Februari ini.

Pengarah Kesihatan Negeri Johor, Datuk Dr Aman Rabu berkata, PKRC itu mampu menempatkan 1,200 pesakit melibatkan semua peringkat usia bermula lima tahun ke atas.

Menurutnya, penilaian untuk memasukan ke PKRC tersebut akan dibuat menerusi Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) yang terdapat di setiap daerah.

"PKRC ini akan menempatkan pesakit Covid-19 kategori satu dan dua iaitu mereka yang tidak bergejala dan tidak berisiko tinggi. PKRC juga untuk pesakit yang tidak sesuai menjalani kuarantin di rumah.

"Contohnya kalau kuarantin di rumah, tiada bilik air khusus untuk pesakit dan ahli keluarga yang ramai dan berisiko tinggi antaranya

kanak-kanak dan warga emas," katanya dalam sidang akhbar di Menara Aqabah di sini pada Rabu.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Johor Bahru, Abdul Rahman Salleh, Datuk Bandar Pasir Gudang, Asman Shah Abdul Rahman dan Pengarah Operasi Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma), Datuk Hussein Omar Khan.

Dr Aman berkata, seramai 60 hingga 100 petugas akan ditempatkan di PKRC berkenaan dalam satu-satu masa yang akan mengikut model PKRC di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di Serdang, Selangor.


Jelasnya, hanya pesakit warga-negara akan ditempatkan di PKRC

tersebut, manakala pesakit bukan warganegara akan dihantar ke PKRC di MAEPS Serdang.

Sementara itu, Hussein berkata, sekiranya PKRC berkenaan penuh, Nadma, Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) dan Jabatan Pengurusan Bencana Negeri akan melihat fasiliti lain termasuk hotel.

"Kita juga pertimbang untuk buka PKRC swasta iaitu hotel yang boleh digunakan majikan atas kos mereka untuk tempatkan pekerja mereka yang positif," katanya.

Pada masa akan datang kata beliau, pihaknya merancang menubuhkan sebuah PKRC khusus untuk pekerja warganegara asing di negeri ini namun kawasannya masih belum ditentukan.



The Star  
4/2/2021

JOHOR

# Foundation: Help give exam candidates peace of mind

THE Pasir Gudang Foundation (YPG) is urging individuals and organisations to help provide a safe environment for students taking their Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) and Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia examinations.

YPG executive director Mohamad Shahrul Akmal Johari said donations of face masks, face shields and hand sanitiser were welcomed.

"Many of the candidates come from low-income families, and Pasir Gudang is one of the hotspot areas for the Covid-19 pandemic.

"I believe we can all do more to help schools by providing them with these resources so the students will have peace of mind," he said when contacted.

He said YPG welcomed anyone willing to help those in need.

"We have the data and update cases reported to us either via our hotline or Facebook page, Yayasan Pasir Gudang," he added.

Shahrul said YPG had recently worked with KPJ Johor Specialist Hospital to present 500 face shields and hand sanitiser to 500 SPM students at three schools in Pasir Gudang.

"The beneficiary schools are SMK Dato' Penggawa Timur, SMK Pasir Gudang 2 and SMK Kota Masai.

"Other private hospitals who wish to conduct similar corporate social responsibility programmes can contact us," he said.

YPG can be reached at 014-690 4745.

— By REMAR NORDIN

## Donation of masks, face shields and hand sanitiser sought for SPM, STPM students in Pasir Gudang



Pasir Gudang City Council chief whip Baharudin Mohamed Taib (second from left) handing over a box of face shields to SMK Dato' Penggawa Timur senior assistant Azharah Abdul Aziz (second from right), which was contributed by KPJ Johor Specialist Hospital.

